

## ADAB-ADAB BERINFAQ

Mohamad Redha Bin Mohamad  
Pensyarah Fakulti Pengajian Peradaban Islam  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
*mohamadredha@kuis.edu.my*

Nik Mohd Nabil Bin Ibrahim @ Nik Hanafi  
Pensyarah Fakulti Pengajian Peradaban Islam  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
*nikmohdnabil@kuis.edu.my*

### Abstrak

*Infaq ialah memberikan harta benda yang bermanfaat kepada orang lain. Ia merupakan akad tabarru' iaitu transaksi yang tidak bertujuan untuk memperoleh keuntungan atau mengharapkan balasan. Agama Islam menggalakkan umatnya memanfaatkan harta ke arah kebaikan. Harta yang diinfaq dapat membantu golongan yang memerlukan di samping mendekati diri kepada Allah s.w.t. Semasa melaksanakan suruhan-suruhan Allah s.w.t. seperti berinfaq, adab-adab perlu dijaga agar tidak menjejaskan pahala amalan tersebut. Para ulamak amat menitikberatkan adab dalam kehidupan seharian agar dapat membuahkan hasil yang terbaik dalam pelaksanaan sesuatu ibadah. Kertas kerja ini membincangkan adab-adab berinfaq yang perlu dituruti berdasarkan dalil-dalil naqli. Antara adab utama adalah berniat ikhlas, tidak mengungkit dan tidak menyakiti hati penerima. Metod kajian dilakukan secara kualitatif manakala pengumpulan data dijalankan menerusi kaedah kepustakaan dan pemerhatian. Hasil kajian mendapati adab-adab yang diamalkan semasa berinfaq akan memberikan hasil terbaik seperti mencapai hakikat kebajikan yang sempurna dan amalan infaq diterima Allah s.w.t. Kertas kerja ini dapat memberi sumbangan dalam aspek kajian terhadap amalan infaq dalam kehidupan seharian.*

**Kata kunci:** *Infaq, Adab, Tabarru', Ikhlas*

### 1.0 Pendahuluan

Infaq merupakan salah satu tiang kepada sistem ekonomi Islam. Ia merupakan akad *tabarru'* iaitu transaksi yang tidak bertujuan untuk memperoleh keuntungan atau mengharapkan balasan. Agama Islam menggalakkan umatnya memanfaatkan harta ke arah kebaikan. Harta yang diinfaq dapat membantu golongan yang memerlukan di samping mendekati diri kepada Allah s.w.t.

Infaq dari segi bahasa bermaksud membelanjakan atau menafkahkan. Manakala dari segi syarak infaq ialah memberikan harta benda yang bermanfaat kepada orang lain. Infaq menurut al-Jurjani adalah membelanjakan harta kepada yang berhajat. Islam menggalakkan umatnya untuk memberikan harta yang paling disayangi kepada orang lain bertepatan dengan firman Allah swt:

لَنْ تَنَالُوا آلَٰلَٰهَ حَتَّىٰ تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ ۚ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ ۖ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ۝ ٩٢

Maksudnya: “Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.”

Setiap amalan dan ibadah yang dilaksanakan perlu diteliti adab-adabnya. Contohnya adab berdoa adalah menadah tangan ke langit, adab menyembelih adalah tidak dilakukan di

hadapan haiwan lain dan begitu juga mengeluarkan infaq ada adabnya. Mempraktikkan adab ketika beribadah akan membuahkan impak yang positif dan lebih baik.

## 2.0 Hukum Mengeluarkan Infaq

Setiap perbuatan atau ibadah yang dilakukan perlu diketahui hukumnya terlebih dahulu. Hukum berinfaq di jalan Allah adalah sunat. Yakni bermaksud setiap individu bebas untuk melakukannya ataupun tidak. Sekiranya dilakukan akan mendapat pahala, manakala jika tidak dilakukan tidak akan mendapat apa-apa. Walau bagaimanapun, Islam amat menggalakkan umatnya untuk berinfaq. Ini adalah kerana ia amat diharapkan oleh golongan yang tidak berkemampuan. Setiap harta infaq yang diberikan dapat membantu sesama Muslim untuk meneruskan kehidupan seharian.

Islam menuntut umatnya untuk mengeluarkan dan menginfakkan harta ke arah kebaikan. Mengeluarkan harta ke arah kemaksiatan dan perkara yang haram adalah dilarang dan tidak dibenarkan. Contohnya mengeluarkan harta untuk pembinaan pusat perjudian, pembinaan pusat pelacuran, memberikan arak yang banyak untuk majlis-majlis keraian dan lain-lain. Hal ini tidak sepatutnya berlaku sekiranya iman diletakkan di dalam diri setiap individu. Harta dan rezeki yang dikurniakan Allah s.w.t. perlu digunakan ke arah kebaikan dan membantu golongan yang memerlukan sahaja.

Walaupun hukum infaq adalah sunat, ianya amat sukar untuk diamalkan secara istiqamah. Ini adalah kerana, mengeluarkan infaq bermaksud mengorbankan harta yang kita miliki. Seringkali manusia memberikan alasan kepada diri sendiri untuk tidak mengeluarkan infaq. Setiap individu perlu mencuba untuk meruntuhkan tembok kebakhilan dengan cara memaksa diri mengeluarkan infaq secara berkala atau bertempoh. Amalan infaq yang dilakukan secara berterusan dan istiqamah akan menimbulkan rasa seronok dan menghadirkan sifat ikhlas di dalam diri.

## 3.0 Ayat-ayat Al-Quran Berkaitan Infaq

الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ بِاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ سِرًّا وَعَلَانِيَةً فَلَهُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ  
عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ٢٧٤

Maksudnya: “Orang-orang yang menafkahkan hartanya di malam dan di siang hari secara tersembunyi dan terang-terangan, maka mereka mendapat pahala di sisi Tuhannya. Tidak ada kekhawatiran terhadap mereka dan tidak (pula) mereka bersedih hati.”

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْ بَتَّتْ سَبْعَ سِنَابِلٍ فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِائَةٌ  
حَبَّةٌ ۗ وَاللَّهُ يُضْعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ ۗ وَاللَّهُ وَسِيعٌ عَلِيمٌ ٢٦١

Maksudnya: “Perumpamaan (nafkah yang dikeluarkan oleh) orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah adalah serupa dengan sebutir benih yang menumbuhkan tujuh bulir, pada tiap-tiap bulir: seratus biji. Allah melipat gandakan (ganjaran) bagi siapa yang Dia kehendaki. Dan Allah Maha Luas (karunia-Nya) lagi Maha Mengetahui.”

Ayat al-quran yang pertama menggalakkan manusia untuk mengeluarkan infaq tanpa mengira masa dan keadaan. Mereka dijanjikan pahala dan juga ketenangan hati daripada Allah swt. Manakala ayat al-quran yang kedua menjelaskan berkaitan ganjaran yang akan diperolehi

oleh orang yang berinfaq. Mereka akan diberikan pahala dan ganjaran yang berlipatkaliganda oleh Allah swt.

#### 4.0 Hadis-hadis Berkaitan Infaq

Berkata Saidina Umar al-Khattab:

أَمَرَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمًا أَنْ نَتَصَدَّقَ فَوَافَقَ ذَلِكَ مَالًا عِنْدِي فَقُلْتُ الْيَوْمَ أَسْبِقُ أَبَا بَكْرٍ إِنْ سَبَقْتُهُ يَوْمًا فَجِئْتُ بِنِصْفِ مَالِي فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا أَبْقَيْتَ لِأَهْلِكَ قُلْتُ مِثْلَهُ قَالَ وَأَتَى أَبُو بَكْرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ بِكُلِّ مَا عِنْدَهُ فَقَالَ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا أَبْقَيْتَ لِأَهْلِكَ قَالَ أَبْقَيْتُ لَهُمُ اللَّهُ وَرَسُولَهُ قُلْتُ لَا أَسَابِقُكَ إِلَى شَيْءٍ أَبَدًا

Maksudnya: “Pada suatu hari, Rasulullah memerintahkan kami untuk bersedekah, dan pada waktu itu aku memiliki sejumlah harta, maka aku berkata, “Kalau ada satu hari dimana aku mampu mengalahkan Abu Bakar, inilah harinya”. Maka aku datang dengan membawa separuh dari hartaku, maka Rasulullah bersabda, “Apa yang engkau tinggalkan untuk keluargamu?”, aku menjawab, “Sebanyak jumlah itu (kerana beliau telah memberi separuh hartanya)”. Kemudian datang Abu Bakar membawa semua harta yang ia miliki, dan Rasulullah bertanya, “Apa yang engkau tinggalkan untuk keluargamu?”, Abu Bakar menjawab, “Aku tinggalkan untuk mereka, Allah dan Rasul-Nya”. Aku pun berkata, “Tidak akan pernah aku mengalahkan Abu Bakar selama-lamanya”.

Semasa berlakunya perang Tabuk, Rasulullah s.a.w. memberi semangat dan motivasi kepada para sahabat untuk mengeluarkan infaq. Antara sahabat yang memberi infaq pada ketika itu ialah Saidina Usman bin Affan sebagaimana yang dikisahkan oleh Abdul Rahman bin Hubab:

عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ حَبَّابٍ قَالَ شَهِدْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ يُحْتُ عَلَى جَيْشِ الْعُسْرَةِ فَقَامَ عُثْمَانُ بْنُ عَفَّانَ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ عَلَيَّ مِائَةٌ بَعِيرٍ بِأَخْلَاسِهَا وَأَقْتَابِهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ ثُمَّ حَضَّ عَلَى الْجَيْشِ فَقَامَ عُثْمَانُ بْنُ عَفَّانَ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ عَلَيَّ مِائَتَا بَعِيرٍ بِأَخْلَاسِهَا وَأَقْتَابِهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ ثُمَّ حَضَّ عَلَى الْجَيْشِ فَقَامَ عُثْمَانُ بْنُ عَفَّانَ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ عَلَيَّ ثَلَاثَ مِائَةٍ بَعِيرٍ بِأَخْلَاسِهَا وَأَقْتَابِهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَأَنَا رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَنْزِلُ عَنِ الْمَنْبَرِ وَهُوَ يَقُولُ مَا عَلَى عُثْمَانَ مَا عَمِلَ بَعْدَ هَذِهِ مَا عَلَى عُثْمَانَ مَا عَمِلَ بَعْدَ هَذِهِ قَالَ أَبُو عِيْسَى هَذَا حَدِيثٌ غَرِيبٌ مِنْ هَذَا الْوَجْهِ لَا نَعْرِفُهُ إِلَّا مِنْ حَدِيثِ السَّكَنِ بْنِ الْمُغِيرَةِ وَفِي الْبَابِ عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ سَمُرَةَ

Maksudnya: “Aku menyaksikan Rasulullah memberi semangat kepada para sahabat dalam Jaisy Al ‘Usrah (iaitu Perang Tabuk), maka Usman bin Affan telah berdiri dan berkata, “Wahai Rasulullah! Aku akan memberikan 100 ekor unta lengkap dengan barangan dan pelananya di jalan Allah!”. Lalu Nabi s.a.w. memberi semangat lagi, dan Usman kembali

berdiri dan berkata, “Wahai Rasulullah! Aku akan memberikan 200 ekor unta lengkap dengan barangan dan pelananya di jalan Allah!”. Lalu Nabi s.a.w. memberi semangat lagi, dan Usman kembali berdiri dan berkata, “Wahai Rasulullah! Aku akan memberikan 300 ekor unta lengkap dengan barangan dan pelananya di jalan Allah!”. Maka aku melihat Rasulullah turun dari mimbar dan berkata, “Tidak ada bagi Usman sesuatu yang akan menyimpannya selepas ini, tidak ada bagi Usman sesuatu yang akan menyimpannya selepas ini”.

Rasulullah juga pernah bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ يَبْلُغُ بِهِ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ قَالَ اللَّهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى يَا ابْنَ آدَمَ أَنْفِقْ أَنْفِقْ عَلَيْكَ وَقَالَ يَمِينُ  
اللَّهُ مَالِي وَقَالَ ابْنُ مُنِيرٍ مَلَأَ سَحَاءٌ لَا يَغِيضُهَا شَيْءٌ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ

Maksudnya: Dari Abu Hurairah sampai kepada Nabi Muhammad s.a.w., baginda bersabda: “Allah Taala berfirman: 'Wahai anak Adam, berinfaklah kamu nescaya Aku akan memberikan ganti kepadamu.’” Baginda juga bersabda: “Pemberian Allah selalu melimpah.” Dan Ibnu Numair berkata, “Suatu pemberian yang tidak pernah berkurang meskipun mengalir siang dan malam.”

## 5.0 Golongan Yang Diberikan Infaq

يَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنْفِقُونَ ۗ قُلْ مَا أَنْفَقْتُ مِنْ خَيْرٍ ۖ فَلِلَّذِينَ ۖ وَالْأَقْرَبِينَ ۖ وَالْيَتَامَىٰ  
وَالْمَسْكِينِ ۖ وَالسَّبِيلِ ۗ وَمَا تَفَلَّهٗا مِنْ خَيْرٍ ۖ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ۗ ٢١٥

Maksudnya: “Mereka bertanya kepadamu tentang apa yang mereka nafkahkan. Jawablah: "Apa saja harta yang kamu nafkahkan hendaklah diberikan kepada ibu-bapak, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan." Dan apa saja kebaikan yang kamu buat, maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahuinya.”

Daripada ayat di atas, terdapat dua golongan yang layak diberikan infaq. Yang pertama ialah saudara mara iaitu ibu bapa dan kaum kerabat manakala yang kedua ialah golongan-golongan yang memerlukan iaitu orang miskin, anak yatim dan orang yang sedang bermusafir. Islam menyarankan supaya mengeluarkan infaq kepada ahli keluarga terdekat terlebih dahulu. Ini bermaksud perbuatan segelintir individu yang menginfakkan harta kepada orang luar dengan mengabaikan ahli keluarga yang susah adalah menyalahi sunnah kehidupan.

Tujuan mengeluarkan infaq ialah membantu golongan yang susah. Maka, infaq tidak akan memberikan impak yang besar sekiranya diberikan kepada golongan yang tidak memerlukan seperti orang kaya dan orang yang sudah cukup keperluan hariannya.

## 6.0 Adab-adab Berinfak

Apabila melaksanakan suruhan-suruhan Allah s.w.t, adab-adab perlu dijaga agar tidak menjejaskan pahala amalan tersebut. Oleh sebab itu, para ulamak amat menitikberatkan adab dalam kehidupan seharian. Buku-buku yang membicarakan perihal adab juga terlalu banyak diantaranya buku karangan Imam Gazali iaitu Bidayatul Hidayah yang diajarkan secara meluas di seluruh Malaysia.

Ketika mengeluarkan infaq, antara adab utama yang perlu dijaga ialah niat. Setiap harta infaq yang dikeluarkan mestilah hanya kerana Allah s.w.t dan tidak mengharapkan apa-apa balasan. Amal diterima atau tidak adalah berdasarkan niat. Sebagaimana yang disebut dalam hadis Rasulullah s.a.w:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى

Maksudnya: “*Semua perbuatan bergantung kepada niat, dan balasan bagi setiap orang bergantung terhadap apa yang diniatkan.*”

Niat yang baik akan membuahkan hasil yang baik manakala niat yang jahat adalah sebaliknya. Antara niat yang baik adalah ingin membantu golongan yang memerlukan, ingin mengeratkan silaturrahim dan memberi contoh yang baik kepada orang lain.

Selain itu, individu yang mengeluarkan infaq perlu memilih dan memberi yang terbaik daripada hartanya. Ini membuktikan betapa seseorang itu bersungguh-sungguh dalam melaksanakan kebaikan. Sebagaimana yang dapat diambil pengajaran daripada kisah Qabil dan Habil yang mana Allah s.w.t menerima korban dari harta yang terbaik. Firman Allah s.w.t:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنفِقُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ ۖ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِّنَ الْأَرْضِ ضِطًّا وَلَا تَيَمَّمُوا  
الْحَبِيثَ مِنْهُ تُنْفِقُونَ وَلَسْتُمْ بِآخِذِيهِ إِلَّا أَنْ تُغِ مِضُوا فِيهِ ۖ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ حَمِيدٌ ۚ ٢٦٧

Maksudnya: “*Hai orang-orang yang beriman, nafkahkanlah (di jalan Allah) sebagian dari hasil usahamu yang baik-baik dan sebagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu memilih yang buruk-buruk lalu kamu nafkahkan daripadanya, padahal kamu sendiri tidak mau mengambilnya melainkan dengan memicingkan mata terhadapnya. Dan ketahuilah, bahwa Allah Maha Kaya lagi Maha Terpuji.*”

Sebagai contoh, pakaian yang diinfaqkan masih dalam keadaan cantik dan kemas, makanan yang diberikan juga masih elok dan bukan dari sisa makanan yang tidak habis dimakan. Sebagaimana dalam ayat 92 surah Ali Imran, Allah s.w.t. menyatakan seseorang tidak akan dapat merasai hakikat kebajikan melainkan setelah menginfaqkan sebahagian dari harta yang disukai.

Di samping itu, Allah s.w.t meletakkan beberapa syarat sekiranya ingin mengeluarkan infaq. Individu yang berinfaq tidak boleh mengungkit-ungkit pemberian yang diberi. Penginfaq juga tidak boleh menyinggung atau menyakiti pihak yang diberi. Penginfaq tidak akan mendapat pahala sekiranya mereka tidak memenuhi syarat-syarat di atas. Firman Allah s.w.t di dalam al-quran:

الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ثُمَّ لَا يُتَّبَعُونَ مِمَّا أَنْفَقُوا مِنْ أُمَّةٍ وَلَا أذَىٰ لَهُمْ ۗ أَجْرُهُمْ ۖ عِنْدَ  
رَبِّهِمْ ۖ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ ۖ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ۚ ٢٦٢

Maksudnya: “*Orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah, kemudian mereka tidak mengiringi apa yang dinafkakkannya itu dengan menyebut-nyebut pemberiannya dan dengan tidak menyakiti (perasaan si penerima), mereka memperoleh pahala di sisi Tuhan mereka. Tidak ada kekhawatiran terhadap mereka dan tidak (pula) mereka bersedih hati.*”

Allah s.w.t. meletakkan syarat-syarat ini supaya hubungan antara pemberi dan penerima dapat dijaga dengan baik. Kebajikan yang disusuli dengan mengungkit dikhuatiri akan menjejaskan pahala amalan tersebut. Walaupun penerima infaq berkelakuan kasar terhadap pemberi, Allah s.w.t. memberi saranan agar pemberi memaafkan dan membalas dengan kata-kata yang baik sahaja.

Tambahan lagi, Islam memberi panduan kepada umatnya agar mengeluarkan infaq secara sembunyi dan tidak menunjuk-nunjuk. Ini adalah untuk mengelakkan rasa takabbur dan riak bersarang di dalam hati. Walaupun begitu, Islam juga memberi keizinan untuk menzahirkan infaq dengan syarat berniat untuk menjadi contoh tauladan dan ikutan masyarakat. Amalan dan ibadah yang baik patut dijadikan contoh supaya umat Islam dapat menjadikan amalan infaq ini sebagai satu kebiasaan dalam kehidupan. Firman Allah s.w.t. di dalam al-quran:

إِنْ تُبْدُوا الصَّدَقَاتِ فَيَعْلَمَ هِيَ ۖ وَإِنْ تُخْفُوهَا وَتُؤْتُوهُهَا آلَ الْفُقَرَاءِ فَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ ۚ وَيُكَفِّرْ عَنْكُمْ  
مِنْ سَيِّئَاتِكُمْ ۗ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ۝ ٢٧١

Maksudnya: “Jika kamu menampakkan sedekah(mu), maka itu adalah baik sekali. Dan jika kamu menyembunyikannya dan kamu berikan kepada orang-orang fakir, maka menyembunyikan itu lebih baik bagimu. Dan Allah akan menghapuskan dari kamu sebagian kesalahan-kesalahanmu; dan Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan.”

## 7.0 Hikmah Infaq

Setiap ibadah yang disyariatkan dalam Islam pasti mempunyai hikmah yang tersendiri. Walaupun begitu, Islam tidak memaksa umatnya untuk mengeluarkan infaq. Sekiranya mempunyai tanggungjawab lain yang lebih utama, maka seharusnya tanggungjawab itu diselesaikan terlebih dahulu.

Ibnu Taimiyah menyatakan hikmah utama berinfaq adalah berfungsi sebagai penyokong kepada pembentukan komuniti masyarakat yang mendokong kepada nilai kesaksamaan dan adil, seperti yang dituntut oleh agama Islam. Ini bermakna harta-harta tidak hanya berlegar dalam kalangan orang-orang kaya sahaja, malah turut sampai ke tangan orang yang memerlukan. Harta yang diinfaq dapat menambah keselesaan hidup golongan miskin. Sekiranya ramai dari orang-orang kaya yang rajin berinfaq, pasti pandangan buruk dan negatif golongan miskin terhadap mereka akan berkurangan. Golongan miskin dapat merasa keadilan dan tidak tertindas.

Selain itu, individu yang mengeluarkan infaq dapat menambah dan meningkatkan keimanan mereka kepada Allah swt. Mengeluarkan infaq adalah satu perbuatan yang menzahirkan rasa syukur di atas nikmat yang telah diperolehi. Mengeluarkan infaq akan mencambahkan akhlak yang mulia dengan rasa kemanusiaan yang tinggi, mengikis sifat kedekut dan materialistik di samping membersihkan harta yang dimiliki.

Tambahan pula, sekiranya institusi infaq semakin berkembang, ukhwah dan hubungan sesama manusia dapat dipertingkatkan dan menuju ke arah kehidupan yang lebih harmoni. Masyarakat akan hidup saling membantu dan tidak meminggirkan golongan-golongan bawahan.

## 8.0 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kertas kerja ini mengkaji adab-adab berinfaq menurut dalil. Menurut dalil-dalil yang telah dibincangkan, adab-adab berinfaq yang diamalkan akan memberi impak dan hasil yang positif kepada pelbagai pihak. Antara hasil yang diperolehi pemberi adalah pahala yang berlipat kali ganda dan merasai hakikat kebajikan yang dilakukan. Hubungan sesama manusia juga dapat dieratkan serta kasih sayang dapat disebarkan. Tidak dapat dinafikan, infaq membuahkan banyak hikmah untuk keseluruhan masyarakat secara umumnya. Oleh itu, semua pihak perlu memainkan peranan dalam membangunkan institusi infaq. Ia tidak dapat dijayakan dengan hanya beberapa individu sahaja. Seringkali kita melihat di kaca televisyen, sukarelawan-sukarelawan gigih memcurahkan segala keringat mereka untuk membantu golongan yang memerlukan. Sekiranya ramai individu yang bersemangat dan berjiwa kental seperti mereka, pasti kehidupan masyarakat akan semakin bertambah baik dan selesai.

## Rujukan

1. Al-Quran dan hadis.
2. Norhanizah Johari, Nazifah Mustaffha & Nor Azlina Ripain. (2014). Sumbangan Infaq Dalam Kalangan Kakitangan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor Terhadap Masjid Al-Azhar KUIS, *Proceeding of the International Conference of Masjid, Zakat and Waqf*, Ms. 97.
3. [www.muftiwp.gov.my](http://www.muftiwp.gov.my). Al-Kafi 396. Beza makna sedekah, infaq dan zakat. (online)
4. Mustafa 'Abdul Rahman. (2008). *Hadith 40 Terj. dan Syarahnya*. Dewan Pustaka Fajar.